

ISSUES IN THE IMPLEMENTATION OF INDUSTRIAL SERTU IN MALAYSIA

ISU-ISU DALAM PERLAKSANAAN SERTU INDUSTRI DI MALAYSIA

Mohd Mahyeddin Mohd Sallehⁱ, Mustafa Afifi Abdul Halimⁱⁱ, Sumaiyah Abd Azizⁱⁱⁱ & Hasdhatul Nor Aliah Md Said^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Timbalan Pengarah, Institut Fatwa dan Halal; Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mahyeddin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). afifi@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi & Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). sumaiyah@usim.edu.my

^{iv} Calon Sarjana, Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). noraliahmdsaid@gmail.com

Abstract	<p><i>The development of the halal industry both domestically and globally has indirectly driven demand for the Islamic cleansing (sertu) services. To ensure that the implementation of sertu process is uniform and guided, the Department of Islamic Development Malaysia [JAKIM] has taken the initiative to introduce special guidelines on sertu, for industry reference. However, there are still deficiencies among Sertu service providers, such as the issue of non-compliance with established guidelines. Hence, this article aims to analyse the issues that arise in the implementation of sertu at the industrial level in Malaysia. This study uses a qualitative approach, using the method of interviews with five agencies and companies that are directly involved in the sertu service. The findings are summarized in seven categories of issues, including the issue of compliance with guidelines and fatwa, understanding, equipment, materials, additional of religious practices, guidelines management, and industry belief towards the competence of the State Islamic Religious Department (JAIN) in implementing the sertu process. This study suggests that the monitoring aspect of sertu implementation should be improved by JAKIM and JAIN, to ensure that the sertu industry able to thrive and adhere to the guidelines.</i></p> <p>Keywords: <i>Issues, Sertu, Halal, Industry, Guidelines.</i></p>
Abstrak	<p><i>Perkembangan industri halal sama ada di peringkat domestik dan global telah secara tidak langsung memacu permintaan terhadap perkhidmatan sertu. Bagi memastikan supaya proses pelaksanaan sertu adalah seragam dan terpandu, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM] telah mengambil inisiatif memperkenalkan garis panduan sertu sebagai rujukan kepada industri. Namun demikian, jika dilihat kepada realiti amalan sertu oleh syarikat penyedia perkhidmatan sertu, masih ada kekurangan seperti isu ketidakpatuhan terhadap garis panduan yang telah ditetapkan. Artikel ini bertujuan menganalisis isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan sertu industri di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menerusi kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual separa berstruktur ke atas lima entiti yang terlibat secara langsung dalam</i></p>

	<p><i>perkhidmatan sertu merangkumi syarikat operator sertu dan jabatan agama. Hasil kajian dirumuskan dalam tujuh kategori isu iaitu isu pematuhan garis panduan dan fatwa, kefahaman dan pengetahuan, peralatan moden sertu, bahan sertu, penambahan amalan agama, pengurusan garis panduan, dan kepercayaan industri terhadap kompetensi Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pelaksanaan sertu. Kajian ini mencadangkan supaya aspek pemantauan sertu diperkembangkan di peringkat JAKIM dan JAIN bagi memastikan agar industri sertu berkembang maju serta mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Isu, Sertu, Industri, Halal, Garis Panduan.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Dalam perbincangan ilmu fiqh, sertu merupakan salah satu cabang daripada kaedah penyucian najis. Perkataan sertu bukanlah berasal dari istilah bahasa Arab, sebaliknya merupakan istilah bahasa Melayu yang digunakan secara rasmi dalam konteks industri halal bagi merujuk kepada perbuatan menyucikan najis mughallazah. Berdasarkan fiqh mazhab Shafi'i, sertu boleh didefinisikan sebagai perbuatan menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali diikuti air mutlak enam kali (al-Sharbinī, 1994). Dari sudut Bahasa Melayu, sertu adalah istilah yang sinonim dengan samak atau menyamak (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Meskipun pada asalnya sertu hanyalah bertujuan memenuhi tuntutan agama bagi membolehkan ibadah solat dilakukan secara sah dan sempurna, namun pada masa kini ia telah berubah menjadi satu cabang industri baru. Ini terbukti apabila sertu kini mula diusahakan secara komersial oleh beberapa syarikat tempatan. Salah satu faktor yang menyumbang kepada perkara ini ialah kerancakkan perkembangan industri halal yang menyebabkan semakin ramai para pengusaha industri dalam bidang makanan dan perhotelan yang ingin beralih kepada pensijilan halal. Sejalan dengan itu, sertu telahpun berkembang luas dan meliputi pelbagai sektor seperti sertu dapur, kontena, kapal, premis, mesin dan peralatan bagi memenuhi kehendak pensijilan halal di Malaysia.

Kepentingan sertu semakin mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, bahkan juga bukan Islam. Ini kerana kedapatan sesetengah kilang, premis, kapal, hotel milik bukan Islam dan sebagainya yang memproses sesuatu produk atau menyediakan menu makanan kepada pelanggan Muslim, menggunakan barang untuk memasak atau menggunakan peralatan yang telah terkena najis *mughallazah* seperti produk yang disahkan mengandungi DNA babi (JAKIM, 2013). Tambahan pula, isu yang melibatkan pencemaran produk atau premis dengan najis *mughallazah* merupakan perkara yang sangat sensitif bagi umat Islam.

Rentetan itu, timbul beberapa persoalan mengenai kaedah pelaksanaan sertu dalam era kontemporari, khususnya apabila melibatkan premis yang luas, kawasan berkarpet, dan peralatan rumit seperti mesin yang sensitif dengan air. Dalam keadaan ini, sudah tentu sertu perlu dilakukan berhati-hati mengikut kaedah khusus selain penggunaan peralatan serta teknologi sertu yang lebih canggih dan sesuai. Ini bagi memastikan amalan sertu dapat dilaksanakan dengan baik, di samping membuang gambaran negatif masyarakat bahasa ajaran Islam itu menyusahkan. Selain itu, kriteria tanah yang digunakan sebagai bahan sertu juga perlu diberi perhatian kerana terdapat mesin yang mudah rosak jika terkena tanah. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis isu-isu dalam pelaksanaan sertu yang diamalkan di Malaysia.

Sertu Tradisional vs Sertu Industri

Sertu menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali. Istilah sertu juga sinonim dengan samak dari sudut Bahasa Melayu. Hukum sertu didasarkan kepada beberapa dalil, antaranya hadis yang menyatakan

keperluan mencuci bekas yang dijilat oleh anjing dengan tujuh kali basuhan, termasuk salah satu basuhan menggunakan air tanah. Menurut mazhab Shafi'i, sunat menggunakan air tanah pada basuhan pertama atau kedua, dan air tanah tidak boleh digantikan dengan bahan lain seperti sabun, tumbuhan dan lain-lain (Hajah Durriyyah al-Aizh, t.t). Panduan untuk melaksanakan serti direkodkan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Sahihnya* seperti berikut:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «طَهُورٌ إِنَاءٌ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَاهَنَ بِالتُّرَابِ»

Maksudnya: *daripada Abū Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: "Apabila bekas salah seorang daripada kamu dijilat oleh anjing, maka untuk menyucikan hendaklah dibasuh tujuh kali, basuhan pertamanya dengan tanah"* (Hadis. Muslim. Kitāb al- Ṭahārah, Bāb Ḥukm Wulūgh al-Kalb, no. 279)

Dalam riwayat hadis yang lain, digunakan istilah (إِحْدَاهُنَّ) yang bermaksud 'salah satu basuhan' ialah dengan menggunakan air tanah. Ketika menjirus air, tidak wajib menyelati kawasan yang terkena najis mughallazah dengan menggunakan tangan, tetapi cukup sekadar mengalirkan air di kawasan tersebut (Hajah Durriyyah al-Aizh, t.t). Selain itu, dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW mengarahkan supaya air yang berada dalam bekas yang telah dijilat oleh anjing dibuang dan selepas itu bekas tersebut mestilah dibasuh dengan tujuh kali basuhan. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah sepertimana berikut:

{إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيُرْفُهُ ثُمَّ لِيَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ}

Maksudnya: *"Apabila anjing menjilat bekas minuman salah seorang daripada kamu, maka hendaklah buang air yang ada di dalam bekas itu, kemudian hendaklah dibasuh tujuh kali"* (Hadis. Muslim. Kitāb al- Ṭahārah, Bāb Ḥukm Wulūgh al-Kalb, no. 279)

Ibn Daqīq al-ʿAid (t.t: 74) ketika mensyarahkan hadis jilatan anjing tersebut berkata, berdasarkan kepada kedua-dua hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa anjing termasuk dalam kategori najis. Ini kerana, arahan Rasulullah SAW supaya air yang telah dijilat oleh anjing dibuang dan bekasnya dibasuh, seperti dinyatakan pada hadis yang kedua, menunjukkan bahawa ia adalah najis. Selain itu, lafaz "طهور" (*ṭahūr*) yang bermaksud 'bersih' hanya digunakan dalam dua keadaan iaitu sama ada; bersih daripada hadas atau daripada najis. Justeru, dalam konteks bekas minuman, istilah yang lebih tepat digunakan adalah bersih daripada najis.

Meskipun nas hadis secara zahir hanya menyebut jilatan anjing sahaja sebagai najis, tetapi menurut jumhur ulama, bahagian-bahagian anjing yang lain seperti kulit, bulu dan tulang juga adalah najis. Perkara ini ditetapkan berdasarkan kepada kaedah *qiyās*. Ini kerana, sekiranya mulut anjing yang dianggap sebagai bahagian yang paling bersih pun dihukumkan najis (disebabkan tabiat anjing sering menjilat dengan lidah ke badannya), maka apatah lagi bahagian-bahagian yang selainnya, sudah tentulah lebih utama dianggap najis (al-Zuhaylī, 2007: 306; Ibn Ḥajar al-Haytamī, 1983: 312). Justeru, kesemuanya perlu dibersihkan dengan kaedah serti yang disebutkan dalam hadis.

Manakala untuk kes peralatan yang dicemari najis babi, mazhab Shafi'i berpandangan kaedah membasuhnya adalah sama seperti membersihkan najis anjing (al-Sharbinī, 1994; Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, 2017). Perkara ini ditetapkan menerusi kaedah *qiyās*, bersandarkan kepada hujah bahawa keadaan babi adalah lebih teruk berbanding anjing, kerana pengharaman babi disebut secara jelas oleh Al-Quran. Oleh itu, babi adalah lebih utama dari segi najisnya (Abū Ishāq al-Shīrāzī, t.t).

Berdasarkan nas hadis, baginda Rasulullah SAW tidak menyatakan secara spesifik mengenai jenis tanah yang perlu digunakan, justeru perkara ini kekal dalam hukumnya yang umum, iaitu bermaksud boleh menggunakan apa sahaja jenis tanah yang dicampur air,

asalkan tidak dicemari dengan najis (Yusof & Subri, 2022). Walau bagaimanapun, dalam konteks masa kini, terdapat keperluan supaya diwujudkan standard tanah yang ingin digunakan untuk menyertu, kerana ada sesetengah peralatan yang sensitif dengan tanah biasa. Berdasarkan Garis Panduan Sertu JAKIM, kadar yang disyorkan bagi campuran air dan tanah mestilah melebihi 0.6% hingga 2.5% mengikut kepekatan air yang diperlukan.

Berhubung alternatif kepada air tanah pula, sudah ada fatwa di Malaysia yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-76 pada 21-23 November 2006; mengenai keharusan menggunakan sabun tanah liat atau sabun *taharah*. Namun beberapa syarat mesti dipatuhi iaitu tanah tersebut suci, peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain, serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak. Selain itu, pada masa kini, terdapat pelbagai inovasi produk sertu dalam bentuk skrub dan cecair (*sertu liquid*).

Skop dan Isu Dalam Pelaksanaan Sertu Industri

Proses sertu yang ditetapkan oleh syarak sebenarnya sedikit berbeza dengan apa yang diamalkan dalam industri halal ketika ini. Ini kerana, jika melihat kepada saranan baginda Rasulullah SAW, sertu boleh dilakukan menggunakan air tanah, tanpa dikhususkan jenis-jenis tanah tertentu. Walaubagaimanapun, dalam industri terdapat peralatan dan mesin yang amat sensitif serta mudah rosak jika terkena air tanah. Justeru, keadaan ini memerlukan kepada penetapan spesifikasi dan standard tanah yang bersesuaian.

Sehubungan itu, terdapat beberapa kajian yang telah dibuat mengenai spesifikasi tanah untuk proses sertu. Antaranya kajian oleh Hashim et al. (2013), yang memfokuskan kepada penetapan kriteria tanah untuk tujuan sertu termasuk dari sudut pH, kelembapan, kandungan mikrob dan logam toksik tanah. Pembangunan kriteria ini boleh meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk halal, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan industri halal.

Selain itu, menurut Kassim et al. (2014), proses sertu dalam industri halal tidak boleh lagi berpandukan kaedah tradisi, sebaliknya perlu juga meraikan jenis-jenis mesin yang hendak dibersihkan disebabkan sifatnya yang sensitif dan mudah rosak jika terdedah kepada bahan pencuci tertentu. Kajian mereka telah menyarankan keperluan mewujudkan garis panduan penggunaan tanah liat untuk tujuan sertu dalam bidang-bidang berkaitan halal. Ini termasuklah pengambilkiraan sifat kimia tanah, keselamatan dan kandungan toksik.

Terdapat juga pengkaji yang melihat dari sudut integriti amalan sertu bagi halal logistik, sepertimana yang dilakukan oleh Ahmad & Mohd Shariff (2016). Kajian ini menekankan kepada kesedaran yang perlu dimiliki oleh para pengusaha yang terlibat dalam rantai penyediaan makanan halal, mengenai kepentingan sertu. Bagi memastikan integriti halal mengenai sertu terjaga, ia perlu kepada pemerksaan empat faktor iaitu prosedur, produk, proses dan pelaksana sertu.

Kajian mengenai pelaksanaan sertu industri telah dijalankan oleh Salleh et al. (2020) yang menyatakan wujudnya perbezaan antara amalan sertu Syariah dan industri dalam aspek prosedur dan kaedah, khususnya yang melibatkan mesin dan peralatan yang sensitif dengan air, serta kawasan sukar seperti berkarpet. Di peringkat JAKIM pula, telah pula diwujudkan satu garis panduan khusus mengenai sertu iaitu "Garis panduan Sertu Menurut Perspektif Islam". Garis panduan ini perlu dirujuk oleh penyedia-penyedia perkhidmatan sertu dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ketika proses sertu ingin dilakukan.

Beberapa cadangan juga dikemukakan bagi amalan terbaik pelaksanaan sertu dalam industri halal di Malaysia. Dalam hal ini, terdapat lapan cadangan yang diketengahkan iaitu keperluan garis panduan khusus bagi setiap skim halal; prosedur dan pengurusan sertu; peluang kerjaya sebagai jurusertu yang bertauniah; keperluan kepada penganjuran kursus/latihan sertu; cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan proses sertu; fi pengurusan dan khidmat sertu; pangkalan data penyedia perkhidmatan sertu dan inovasi dalam menjalankan sertu (Abd Aziz et al., 2021).

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah kualitatif ini sangat sesuai digunakan bagi mengkaji isu sertu ini memandangkan masih belum banyak kajian yang dilakukan dan kaedah ini akan memberikan data yang lebih banyak untuk mencapai objektif kajian. Terdapat dua cara utama kajian ini dijalankan iaitu dengan menggunakan analisis dokumen, temu bual secara mendalam dengan pihak syarikat dan autoriti agama serta pemerhatian lapangan.

Analisis dokumen ini perlu dilakukan untuk mengetahui dengan terperinci mengenai apa yang telah ada, dijalankan dan ditulis mengenai kajian yang hendak dijalankan. Analisis dokumen dibuat terhadap sumber-sumber rujukan primer dan sekunder, antaranya ialah: i) Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (diterbitkan oleh JAKIM); ii) Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2019; iii) Akta-akta dan garis panduan yang berkenaan dengan halal dan isu yang sedang dikaji; dan iv) Kajian-kajian lepas berkenaan sertu.

Temu bual mendalam secara bersemuka dan separa berstruktur telah dilakukan terhadap dua (2) syarikat yang menyediakan khidmat sertu (disebut sebagai Syarikat G dan Syarikat H) dan tiga (3) pihak autoriti agama (selepas ini disebut sebagai Jabatan S, Jabatan T dan Jabatan U) yang terlibat dalam mengawal selia proses sertu yang dijalankan. Temu bual yang dijalankan secara bersemuka ini mempunyai kelebihan kerana para penyelidik boleh menyesuaikan soalan-soalan seperti yang diperlukan, menjelaskan keraguan dan memastikan respon difahami dengan betul dengan mengulangi atau menguraikan soalan-soalan yang ditanya kepada pihak yang ditemu bual. Para penyelidik juga boleh melihat isyarat bukan lisan yang dipamerkan oleh responden seperti sebarang ketidakselesaian, *stress* atau masalah yang dihadapi melalui air muka seperti mengerutkan kening, mengetuk saraf dan bahasa badan yang lain. Tanda-tanda seperti ini tidak akan kelihatan sekiranya temu bual dijalankan secara atas talian.

Para penyelidik telah menyediakan dengan lebih awal soalan-soalan yang ingin ditanya kepada syarikat dan pihak autoriti agama yang terlibat agar proses temu bual berjalan dengan lancar. Soalan-soalan ini juga telah dihantar terlebih awal kepada individu yang terlibat sebelum sesi temu bual sebenar berlangsung. Ini bertujuan memberi gambaran kepada mereka mengenai isu-isu yang sedang dalam kajian serta memberi ruang kepada mereka untuk bersedia dengan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Semasa proses temu bual berlangsung, di samping berpandukan kepada soalan-soalan yang telah disediakan, para penyelidik juga melakukan proses "*probing*" iaitu bertanya dan menyelidik dengan lebih lanjut susulan daripada jawapan yang diterima daripada pihak yang ditemu bual. Proses temu bual ini direkod dan selepas itu proses transkripsi dilakukan oleh pembantu penyelidik. Proses transkripsi ini (rekod temu bual dipindahkan ke dalam bentuk dokumen bertaip) dilakukan beberapa kali untuk memastikan tiada maklumat penting yang tertinggal dan sehinggalah penyelidik berpuas hati dengan hasil transkripsi yang dilakukan.

Proses temu bual ini amat penting bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan lebih tepat dan spesifik. Melalui temu bual yang dijalankan juga, para penyelidik dapat lebih memahami isu-isu dan situasi yang berlaku dalam pelbagai industri berkenaan dengan proses pelaksanaan sertu. Selepas selesai proses transkripsi, para penyelidik bersama-sama meneliti hasil transkripsi temu bual untuk mengenalpasti tema atau isu-isu utama yang terhasil dan menganalisis data-data ini mengikut tema yang tersebut. Proses ini dilakukan secara manual.

Tema-tema yang terhasil selepas proses analisis ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam di bahagian dapatan kajian. Penegasan kepada dapatan tema akan dipersembahkan dalam bentuk petikan percakapan oleh wakil syarikat dan pihak autoriti agama yang menjadi peserta bagi kajian ini.

Selain daripada itu, pemerhatian secara langsung telah dibuat oleh penyelidik pada 24 September 2018 di Brahims SATS Food Services Sdn Bhd selaku pengguna khidmat sertu bagi kelengkapan pinggan mangkuk, cawan dan kutleri yang digunakan semasa menyajikan

makanan di dalam penerbangan. Pemerhatian yang dilakukan ini memberikan satu pengalaman baharu kepada penyelidik untuk menyaksikan inovasi kepada perkhidmatan sertu yang digunakan oleh salah satu syarikat yang menyediakan servis katering untuk syarikat penerbangan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui kaedah temu bual bersemuka yang dijalankan, terdapat beberapa dapatan penting yang akan dibincangkan secara lebih mendalam. Hasil dapatan ini akan dibincangkan mengikut tema dan isu utama yang ditimbulkan oleh responden proses temu bual yang dijalankan.

Syarikat G merupakan syarikat yang mengeluarkan beberapa produk sertu seperti tanah dan sabun sertu sebelum melibatkan diri dalam memberikan perkhidmatan sertu. Syarikat G berpengalaman luas melakukan proses sertu dapur, pinggan mangkuk dan peralatan memasak hotel, dapur, peralatan memasak, pinggan mangkuk dan dewan makan kapal pelayaran mewah dan banyak lagi. Syarikat H adalah antara syarikat yang memberi khidmat berkenaan halal termasuk latihan dan perundingan termasuk memberi latihan mengenai sertu. Syarikat H juga berpengalaman luas melakukan khidmat sertu kepada klien dalam industri makanan dan minuman (F&B), dapur pusat dan dapur hotel. Syarikat G dan H juga tidak asing dalam memberi khidmat nasihat dan sertu bagi klien untuk tujuan bukan permohonan halal seperti sertu kusyen kenderaan persendirian dan rumah kediaman.

Jabatan S, Jabatan T dan Jabatan U adalah antara tiga pihak autoriti agama yang terlibat dalam mengawal selia proses sertu yang dijalankan. Dalam isu permohonan halal, semua syarikat yang ingin mendapatkan sijil halal akan menghantar permohonan secara atas talian di portal halal JAKIM dan audit lapangan akan dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Negeri [JAIN]/Majlis Agama Islam Negeri [MAIN] di mana syarikat beroperasi. Begitu juga dengan proses sertu, pemantauan dan kawal selia proses sertu akan dilaksanakan oleh JAIN/MAIN. Sijil pengesahan sertu juga akan dikeluarkan oleh pihak JAIN/MAIN.

Melalui temu bual bersemuka bersama wakil lima organisasi yang terlibat dalam isu sertu ini, pengkaji mengenalpasti tujuh isu utama dalam pelaksanaan sertu industri. Isu-isu tersebut ialah;

- i) Pematuhan garis panduan dan fatwa;
- ii) Kefahaman dan pengetahuan;
- iii) Peralatan moden sertu;
- iv) Bahan sertu;
- v) Pengurusan garis panduan sertu bagi setiap skim halal;
- vi) Penambahan amalan agama dalam amalan sertu; dan
- vii) Kepercayaan industri terhadap kompetensi JAIN.

Pematuhan Garis Panduan dan Fatwa

Hasil temu bual yang dijalankan menunjukkan berlaku isu ketidakpatuhan oleh operator sertu terhadap garis panduan dan fatwa sertu. Secara lebih khusus, isu ini berkaitan dengan kandungan produk sertu yang memiliki kadar peratus tanah yang kurang berbanding bahan-bahan lain. Berdasarkan garis panduan sertu JAKIM, sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain. Bagaimanapun, amalan oleh operator sertu pula adalah sebaliknya. Ini dibuktikan melalui kenyataan responden dalam petikan berikut:

Syarikat G: Haa melebihi, kita ikut based on JAKIM punya ni, minimum 0.6% . So kita punya formulation ni 6%, berlebih lah memang banyak lebih lah. So, bila kita buat 6%, kita hantar test dekat, dekat XXXX. Hantar test tengok dia punya performance dia, dengan dia punya capacity dia aaa, disinfectant ni dia boleh inhabit tak microb-microb ni kan. Jadi dia test dekat E. coli, Salmonella,

Staphylococcus Aureus, common bacteria yang ada dalam food poison lah. Okay so dengan 6% tu, dia dah cairkan lagi 10 kali, yang 10 kali cair tu pun tak boleh nak biak jugak bacteria tu. Haa mati jugak.

Syarikat H: *Aaa, kita pakai maximum 5%. Maximum. Sebab, bila kita buh 50%, 51%, tak boleh bind, pecah. Macam saya kata tadi, tanah ni... Okay tanah ni, mula-mula kita pakai 50%, 51%. Bila pakai 51% ni, sifat tanah tu sendiri yang menyerap segala chemical apa semua tu tadi, dia tak boleh bentuk jadi sabun. Tak boleh. Dia...lerai, memang terlerai. Dia tak terbentuk. Jadi kita kurang sikit, sikit, sikit...So tak compile lah (sebab) fatwa cakap, mesti lebih daripada 50%. Technically 51 lah. Saya buat 5 je.*

Bagi Syarikat G, beliau menyatakan bahawa kadar 6% peratus itu melebihi kadar tanah yang ditetapkan JAKIM iaitu sebanyak 0.6%. Namun setelah disemak garis panduan sertu, kadar minima 0.6% tersebut sebenarnya merupakan kadar kepekatan yang diperlukan bagi campuran air dan tanah, bagi kondisi khas iaitu bagi menyertu alat-alat kompleks yang menyusahkan untuk dibuka seperti kilang ubat-ubatan.

Manakala bagi Syarikat H, kefahaman beliau bagi kadar 51% tersebut adalah ketetapan fatwa bagi produk sertu berasaskan tanah dan campuran bahan lain. Dalam hal ini, kandungan tanah mesti melebihi bahan-bahan yang lain. Namun, jika debu tanah tersebut dalam bentuk asli tanpa campuran bahan lain, kadar tanah yang perlu dicampur ke dalam air hanyalah dengan kadar yang mengeruhkan air sahaja (berdasarkan pandangan mazhab Shafi'i). Manakala bagi produk sertu, mestilah mengikut keputusan fatwa iaitu kadar tanah melebihi bahan-bahan lain iaitu 51% dan ke atas.

Kefahaman dan Pengetahuan

Berdasarkan hasil kajian juga, kefahaman dan pengetahuan industri dan masyarakat awam mengenai keperluan melakukan sertu boleh dikatakan masih di tahap sederhana. Sebagai contoh, syariah menegaskan bahawa proses sertu hanya perlu dibuat terhadap kawasan-kawasan yang diyakini terkena najis mughallazah sahaja. Namun kefahaman masyarakat adalah sebaliknya. Ini disokong oleh petikan responden seperti berikut:

Syarikat G (i): *Sertu rumah banglo, ada swimming pool kan. Kita kata "Bang, swimming pool ni kita tak kira bang. Aku tak kira, kau buat jugak dia cakap. Haa kau buat, aku bayar" dia kata.*

Syarikat G (ii): *Kelab snooker pun pernah ustaz. Saya pun, Allahu Akbar ustaz. Pasal Melayu belikan. Dia cakap kitorang takde buat benda yang kona-kona dalam ni, kita main snooker je kan... Ruangan office dia, dalam tu pun sama jugak kes. Bulu anjing bersepah-sepah sampai dekat keyboard computer pun. Haa ni boleh samak kata dia..*

Syarikat G (iii): *Hmm kereta pun ada saya, yang pernah datang sini parking kat bawah sertu. Siap berplastik lagi tempat duduknya. Saya cakap macam mana ni. Saya tak kira. Haa ini lah cakap, maknanya bila orang perseorangan ni dia based on masing-masing lah haa. Haa tahap particular masing-masing tu.*

Syarikat H: *Rumah-rumah yang baru dibeli, diorang rasa was-was. Kalau kita nak samak, kita nak samak dekat mana? Adakah seluruh rumah?" Seluruh dinding sampai atas semua kan. Ada jugak orang-orang yang mintak tanah kat saya sebab nak perform. Tanya macam mana selipar lah, tayar keretalah yang kena kencing. Jadi benda-benda ni, antara benda yang isulah. Yang berlaku dengan orang-orang awam. Memang akan sentiasa berlaku sampai bila-bila pon. Kemudian aaa... ada jugak tourist pelancong yang nak ke luar negara, diorang*

request untuk benda-benda yang macam ni. Sebab depa punya point, kadang-kadang duk dekat homestay, pinggan mangkuk ni diorang ragu-ragu.

Di samping itu, terdapat isu kefahaman di kalangan eksekutif halal sendiri khususnya apabila melibatkan pencemaran yang berpunca daripada DNA babi dan bukan zat babi yang asal. Selain itu, mengenai bentuk tindakan awal yang perlu diambil apabila berlaku pencemaran najis mughallazah. Perkara ini dikuatkan dengan petikan berikut:

Jabatan S : *So sekarang Alhamdulillah dah ada Halal Exec dan syarikat pun dah faham dah. Banyak dulu kes bila berkaitan dengan DNA lah. So bila fatwa kata DNA babi tu disebabkan oleh contaminate bukannya zat babi tu, dia kurang sikitlah. Kalau DNA tak perlu. DNA babi disebabkan oleh pencemaran (contamination) ini dipanggil Umumul Balwa ataupun Masyaqqah Tajlibu Taysir. So lepastu kita minta juga Halal Exec, kalau berlaku satu kes katakan kalau produk tu ditest memang confirm ada DNA babi, you kena recall, you kena check balik, trace back lah di mana berlakunya itu. Kalau disebabkan memang confirm ada bahan ramuan tu memang ada babi, you kena buat. Pastu, kita minta juga dekat Halal Exec tu mesti aware lah bab tu. Kalau tak nanti, bila sebut babi, babi sertu babi sertu. Letih lah...*

Jabatan T (i): *Sebab kita pernah ada permohonan untuk sertu dapur diambil alih oleh apa dapur daripada restoran cina kan, diambil alih. Jadi, nak kena sertu. Jadi bila pegawai kita turun, Jawatankuasa Halal dalaman dia taktau nak buat apa, 'ain masih ada lagi. Barang-barang yang fizikal tu masih ada lagi, tak dibuang tapi dah nak disertu...*

Jabatan T (ii): *Dan ada juga bila kita nak turunkan kepada company, kita takut macam yang tak betul hanya macam dijumpai berus bulu babi kan, berus bulu yang memang dah positif babi, haa tapi nak disertu seluruh dapur sedangkan benda tu diguna untuk ni tray, tray apa tray oven sahaja, bukan pada seluruh dapur. Jadi kita taknak.*

Peralatan Moden Sertu

Hasil kajian turut menemukan isu penggunaan peralatan moden oleh operator sertu yang bertujuan memudahkan proses sertu. Ini kerana dalam keadaan tertentu, sertu tidak dapat dilakukan secara tradisional terutamanya apabila melibatkan kawasan berkarpet, memiliki ruang yang luas, dan mesin yang sensitif dengan air. Antara peralatan yang digunakan ialah water jet dan vakum penyedut air. Ini disokong dengan petikan seperti berikut:

Syarikat G: *Okay, untuk karpet ni memang kita guna mesin sedut vaccum tu lah, dia panggil carpet extractor haa. Dia memang buat karpet, dia sedut kuat sangat. Haa dia high performance lah. Haa ni macam meracun rumput tu. So kita spray dulu dekat karpet ni, okay. Bila kita dah spray, pastu kita bawak kita punya mesin extractor tu, terus sedut je. Terus sedut je. Lepas tu masa kita nak bilas, okay bila katalah area ni dah sedut habiskan maknanya air tanah tu kan, masa kita nak bilas kita ada 2 tong ni, lagi satu maknanya air biasa sahaja. Satu air tanah, satu tong. Satu set lagi air biasa sahaja. So air biasa tu kita pun spray je bagi lembab kan. Pastu karpet sedut..Haa 6 kali lah, spray sedut spray sedut ulang 6 kali. Haaa ustaz. Baru dia betul-betul bersih.*

Bagaimanapun, bagi Syarikat H pula, beliau meragui kaedah sertu menggunakan vakum kerana dibimbangi tidak memenuhi syarat sertu yang sebenar. Oleh itu, menurut beliau, kaedah tradisional dilihat lebih sesuai meskipun sedikit sukar untuk dibuat. Beliau menyatakan seperti berikut:

Syarikat H (i): *Saya tak pernah buat, tapi kalau tengok machine tu, saya cuma ragu-ragu dari segi kiraan 6 kali tu. Fizikal nampak bersih. Tapi, cukup dak kiraan 1 kali air tanah, 6 kali air-air mutlak tu. Takut airnya recycle. Haa, air dia tu recycle. Dia pakai tu sebenarnya dia cuci pakai ayaq kat situ balik. Nampak bersih tu bersih.*

Syarikat H (ii): *Kalau kata kaedah yang umum, ambil keluarkan daripada masjid, habistu cuci di luar, lepas kering letak balik. Tu kaedah yang sangat-sangat umumlah. Tapi dari segi practicality mungkin akan sangat menyusahkanlah (sertu karpet)*

Penggunaan *water jet* adalah bagi mempercepatkan proses sertu. Ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Syarikat H (iii): *Kita pakai contoh, kita pakai water jet lah. Kalau kita pakai simbah gitu, boleh takdak masalah. Tapi dia akan lambatlah, jadi untuk bantu mempercepatkan..*

Bagi kes mesin yang sensitif dengan air, kaedah yang dilakukan ialah dengan menyembur kawasan tercemar dengan menggunakan alat penyembur (*spray*). Kawasan yang telah disertai kemudiannya akan diletakkan serbuk pengering yang telah mendapat persijilan halal, bertujuan mempercepatkan proses pengeringan. Ini terbukti dengan petikan berikut:

Jabatan T (i): *Biasa team saya dia dah biasa buat benda tu. Memang diorang dah tau mana nak cari yang dah halal lah biasanya. Biasa saya difahamkan, dia menggunakan bahan-bahan yang tertentu yang memang untuk sertu. Haa dia memang terus kering benda alah tu..Saya lupa, nanti kena tanya En Solihin lah apa bahan dia..Haa.. dia terus kering. Sebab bila air dengan machine, dia sensitif. Jadi, ada certain tu dia takboleh ni, jadi kena cari kaedah yang boleh cepat terus kering. Dia takde masalah kepada mesin. Dia memang spray je..*

Jabatan U: *Bahan dia sendiri..dan memang bahan tu memang ada sijil halal lah. Macam walaupun benda tu daripada tanah liat sebagainya kan, tapi memang disahkan halal lah jugak..Sebenarnya takdelah masalah sangat untuk penggunaan tanah tu kan... asalkan kita yakin..*

Terdapat juga penggunaan mesin sertu pinggan mangkuk seperti diamalkan oleh syarikat Brahims SATS Food Services Sdn Bhd. Mesin ini telah memudahkan proses sertu pinggan mangkuk dalam jumlah yang banyak, yang tercemar dengan najis *mughallazah*. Secara asas, terdapat 7 bahagian pada mesin ini bagi memastikan proses sertu berlaku mengikut ketetapan syarak. Mesin ini juga telah mendapat pengiktirafan patuh syariah oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Bahan sertu yang digunakan ialah debu tanah mengikut spesifikasi industri.

Bahan Sertu

Dalam pembikinan produk sertu industri, terdapat isu penambahan bahan-bahan lain selain tanah, seperti minyak kelapa dara, vitamin E, minyak sawit, SLVS. Hal ini diakui sendiri oleh Syarikat H seperti berikut:

Syarikat H (i): *Kita pakai minyak kelapa aaa... SLVS short form untuk satu chemical ni SLV free surfactant. Habis tu... vitamin E. Kita modified dengan vitamin E. Bahan-bahan dia adalah bahan-bahan semula jadi lah. Bahan-bahan dia memang bahan basic sabun. Ada yang pakai minyak sawit, tapi kita pakai minyak kelapa dara.*

Syarikat H (ii): *Kita tak campuq perfume na. Haa, kita tak campur perfume tapi... dia ada nature neutral punya bau. Jadi orang akan nampak kenapa perlu tanah ni. Dan kenapa perlu chemical. Kenapa tidak sekadar tanah sahaja, benda ada lebih dari tulah...Ada lah saya punya SOP memang saya pakai chemical jugaklah.*

Manakala menurut Syarikat G, dalam pembuatan produk sertu industri, terdapat pelbagai versi produk mengikut tujuan penggunaannya. Kebiasaannya, akan terdapat antara enam (6) hingga dua puluh (20) bahan yang dicampurkan ke dalam produk sertu berkenaan. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Syarikat G: *Kita akan ada version dish wash, hand wash, floor wash, container wash ke logistic ke apa ke kan. Kita akan buat variant macam tu lah. So, untuk industri kos tu akan murah. Semurah-murahnya sebab yang ni personal care dia punya ingredient saja ada 20 macam. So, kos dia sangat tinggi lah. So, untuk industri, yang kita buat dengan MPOB for Malaysian ni, haa 6 bahan sahaja. Jadi kos tu dah down dah*

Penambahan Amalan Agama dalam Amalan Sertu

Selain itu, terdapat isu penambahan amalan agama ketika sertu dilakukan oleh syarikat tertentu. Antara contoh amalan yang ditambah adalah azan, bacaan doa dan selawat, sebelum acara sertu dimulakan. Perkara ini ditegaskan oleh Jabatan T dan Jabatan U seperti berikut:

Jabatan T: *Taktau benda tu sah ke tak, mekanismenya macam mana sebab pada masa saya di JAKIM, pengesahan untuk sertu tu memang kita tengok. Bila kita tengok dokumen untuk sertu, saya tengok macam ni kaedah macam mana yang diorang guna sebab sebelum sertu, dia ada azan dulu, dia ada baca doa dulu... Ha itu tambah, company-company yang buat..*

Jabatan U: *Ouh, itu kadang-kadang ikut pada budi bicara dia je tu.. Kita takde pun kita suruh azan ke apa pun, selawat...Haa...itu kadang-kadang kepandaian dia la tu...*

Berdasarkan kenyataan kedua-dua responden di atas, kesemua amalan yang ditambah tersebut bukanlah merupakan kaedah yang dinyatakan dalam garis panduan sertu JAKIM.

Garis Panduan Sertu Khusus bagi Setiap Skim Halal

Kaedah pelaksanaan sertu juga perlu mengambil kira kesesuaian dan keperluan bagi setiap skim persijilan halal di Malaysia. Setakat ini Malaysia memiliki sembilan (9) skim persijilan halal. Ini bermaksud, perlu diwujudkan garis panduan sertu khas terutamanya yang melibatkan peralatan sensitif seperti dalam bidang farmaseutikal dan peranti perubatan. Ini disokong dengan petikan oleh Syarikat H dan Jabatan T seperti berikut:

Syarikat H (i): *Kita ada tujuh jenis application kan untuk halal ni. Saya... tak mampu untuk cover ketujuh-tujuh semua. Aaaa... Cuma yang saya boleh kata specialize adalah dalam F&B lah. Tapi saya percaya, based on nature, berdasarkan nature of business itu sendiri, pharmaceutical dia akan berlainan, F&B akan berlainan, logistik akan berlainan.*

Syarikat H (ii): *Jadi, bila kita buat sertu dekat tempat atau peralatan pharmaceutical yang sangat-sangat sensitive ni, tanpa kawalan ataupun tanpa ada knowledge yang betul kita boleh merosakkan alat tersebut. Yang kedua, kita boleh membuatkan condition dia itu tercemar dengan tanah.*

Jabatan T: Cuma kita tau keperluan ada... Kita ada port, ada airport, logistik. Tapi sebab JAIS belum buat lagi logistik. Dalam 9 Skim Pensijilan Halal Malaysia, JAIS hanya buat 5 sahaja. Maknanya ada logistik, pharmaceutical JAIS belum buat, dengan medical device, JAIS belum buat. Tapi sekarang ni memandangkan kita ada Halal Assurance System yang merupakan syarat wajib bagi industri multi dan sederhana, ada elemen sertu di dalam tu. Industri pun kena faham lah benda ni sebagai satu keperluan.

Kepercayaan Industri Terhadap Kompetensi Operator Sertu dan Jabatan Agama Islam Negeri [JAIN]

Hasil kajian turut menunjukkan terdapat isu kepercayaan industri terhadap keupayaan operator sertu dalam menjalankan prosedur sertu, walaupun sebenarnya operator tersebut telah pun dilantik secara rasmi oleh JAIN. Sebaliknya, kebanyakan pemohon sijil halal lebih meyakini kompetensi pegawai JAIN. Perkara ini diakui oleh Syarikat H dalam petikan di bawah:

Syarikat H: Sebab projek-projek sertu, kebanyakannya klien-klien yang nak mohon sijil halal ni, dia lebih percaya kepada orang-orang JAIS sendiri yang buat, orang-orang Jabatan Agama Islam Negeri. Bila dia hire contractor macam saya, macam-macam masalah lah. Saya pula nak minta aaa apa, orang kata macam JAIS ke JAKIM ke recommend saya ni sebagai contractor sertu, diorang tak percaya.

Selain itu, terdapat juga isu kepercayaan industri terhadap tahap kompetensi JAIN itu sendiri. Akibatnya, terdapat kes di mana industri tidak merujuk kepada jabatan agama Islam dalam negeri yang sama, sebaliknya merentas sempadan dengan menghubungi jabatan agama Islam negeri lain. Dalam hal ini, penyelarasan perlu dibuat antara pihak jabatan agama negeri-negeri bagi mengelakkan pertindihan tugas. Ini dibuktikan menerusi petikan berikut:

Jabatan T (i): Cuma diorang dah ada pengiktirafan yang diorang guna. Maksudnya macam mendapat kepercayaan company. Contohnya di Johor, dia telah dah buat, dia melantik company. Melantik 5 syarikat ke 6 syarikat, yang berdaftar dengan dia yang akan melaksanakan tapi pengesahan tu dari pegawai JAIJ. JAIJ sendiri yang akan turun jugak. Dan diorang buat, laksanakan jugak di macam Singapore pun panggil, kapal-kapal Singapore pun panggil. Kapal Petronas pun panggil pegawai JAIJ. Dia lebih kepada nilah, sebab haritu kami tegur jugaklah, apabila berada di perairan antarabangsa dengan bila berada di West Port, North Port. Diorang datang daripada Johor untuk sertu di Selangor. And then, kita macam, eh tak bagi salam pun dekat kami. Haa macam tu.. tapi kami..

Jabatan T (ii): Kita nak selaraskan. Sekurang-kurangnya kalau dia dah dah dapat kepercayaan, kaedah dia pun dah di ni kan. Macam HQ yang panggil tu, company yang panggil tu memang ber ibu pejabat di Johor atau di tempat yang paling dekat dengan Johor, jadi dia memang sekurang-kurangnya aaa... maklum. Maklumkan kepada pihak kami bahawa kami ada kerja-kerja di kawasan itu. Melabuhkan kapal di North Port, West Port. Maklum jelah.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Sertu merupakan satu kaedah penyucian peralatan atau kawasan yang telah tercemar dengan najis *mughallazah*. Prosedur ini wajib dilakukan berdasarkan pandangan mazhab Shafi'i. Dalam konteks Malaysia pula, prosedur sertu perlu dilakukan oleh sesebuah premis yang pernah dicemari najis *mughallazah*, sebagai pra-syarat untuk mendapatkan persijilan

halal Malaysia (Salleh et al., 2020). Meskipun sudah ada garis panduan yang ditetapkan oleh JAKIM, tetapi masih terdapat aspek yang perlu ditambahbaik (Halim et al., 2020). Justeru, kajian ini telah berjaya menemukan beberapa isu pelaksanaan sertu dalam konteks industri.

Berdasarkan hasil kajian, dapat dirumuskan bahawa masih terdapat kelompangan dalam aspek pematuhan garis panduan sertu oleh operator sertu. Antaranya ialah isu pembuatan cecair sertu yang dilihat tidak selaras dengan fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Para operator sertu dilihat memberikan tafsiran sendiri mengenai kadar kandungan tanah yang sepatutnya dicampurkan dalam produk sertu mereka. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji mencadangkan agar para operator sertu merujuk dengan pihak JAKIM atau JAIN/MAIN terlebih dahulu bagi memastikan setiap produk yang dihasilkan adalah mematuhi fatwa.

Selain itu, dapat dirumuskan juga bahawa tahap kefahaman dan pengetahuan di kalangan masyarakat masih di tahap yang sederhana. Isu ini bukan sahaja berlaku di kalangan masyarakat awam, tetapi turut melibatkan sesetengah eksekutif halal. Pada pandangan pengkaji, masyarakat awam perlu dididik dengan pengetahuan yang cukup agar prosedur sertu tidak dianggap sebagai menyusahkan. Penganjuran kursus-kursus halal perlu diselitkan dengan modul sertu bagi meningkatkan kefahaman mereka.

Penggunaan peralatan moden sertu seperti vakum, *water jet* dan serbuk pengering merupakan satu inovasi oleh para operator sertu. Ia bagi membolehkan sertu dapat dilaksanakan bagi kawasan-kawasan rumit seperti karpet, dan mesin-mesin tertentu. Teknik sertu menggunakan vakum bagaimanapun perlu dikaji lebih terperinci dalam aspek hukum bagi memastikan ia selaras dengan kaedah syarak. Begitu juga percampuran pelbagai jenis bahan dalam produk sertu adalah isu yang memerlukan pemantauan oleh pihak berautoriti halal seperti JAKIM atau JAIN.

Bagi isu penambahan amalan agama dalam sertu seperti azan, selawat dan doa juga perlu segera dihentikan oleh operator sertu. Ini memandangkan kesemua perkara ini tidak mempunyai asas dan dalil dalam Islam. Berhubung isu ini, amalan sertu tidak wajar ditambah dengan perbuatan-perbuatan sedemikian bagi mengelakkan manipulasi agama. Kaedah sertu perlulah dibuat mengikut garis panduan asal yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Hasil kajian ini turut menunjukkan keperluan untuk dibangunkan garis panduan khusus bagi setiap skim persijilan halal di Malaysia. Setakat ini, JAKIM telah memperkenalkan sembilan skim iaitu; produk makanan/minuman/makanan suplemen, premis makanan/hotel, barang gunaan, barang kosmetik dan dandanannya, rumah sembelih, farmaseutikal, logistik, pengilangan kontrak/ OEM, dan peranti perubatan (JAKIM, 2019). Berdasarkan maklumat daripada operator sertu, skim bagi farmaseutikal dan peranti perubatan antara yang perlu kepada garis panduan khusus disebabkan melibatkan mesin sensitive dengan air.

Seterusnya, penyelarasan bidangkuasa antara Jabatan Agama Islam Negeri adalah penting bagi mengatasi isu 'langkau sempadan' dalam pelaksanaan sertu. Pihak JAIN juga disarankan untuk merujuk kepada garis panduan sertu yang telah dibangunkan oleh beberapa negeri yang diyakini akan kompetensinya oleh industri. Selain itu, pangkalan data yang menghimpunkan nama syarikat-syarikat operator sertu bertauliah juga wajar dibangunkan. Ia bagi memudahkan sebagai urusan yang berkaitan perkhidmatan sertu sekiranya diperlukan oleh industri dan masyarakat awam sendiri.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati kebanyakan operator sertu di Malaysia telah menjadikan garis panduan JAKIM sebagai rujukan utama mereka dalam menjalankan prosedur sertu. Namun demikian, masih terdapat beberapa isu yang perlu ditambah baik seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Penyelarasan bidangkuasa sertu antara JAIN, pematuhan operator sertu kepada garis panduan dan peningkatan kefahaman masyarakat mengenai ilmu sertu dapat melonjakkan lagi keyakinan terhadap industri halal di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk “Pembinaan Glosari Baharu Istilah Haiwan Halal Haram Berasaskan Karya Ulama Alam Melayu Melalui Pendekatan Analisis Tekstual Dan Zoologi” yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan USIM, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/FSU/0122/USIM/15622).

RUJUKAN

Buku

- al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf. (t.t). *Al-Muhadhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*. Vol. 3, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zuhaylī, Wahbah bin Mustafā. (2007). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Hajah Durriyyah al-Aizh. (t.t). *Fiqh al-‘Ibādat ‘alā al-Madhhab al-Shāfi‘ī*. t.tp: t.pt.
- Ibn Daqīq al-‘Aid. t.t. *Ihkām al-Ihkām Sharḥ ‘Umdat al-Ahkām*. Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.
- Ibn Ḥajar al-Haytamī, Aḥmad bin Muḥammad. (1983). *Tuḥfat al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.
- Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūri. (t.t). *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ Muslim)*. Vol. 5. Ed: Muḥammad Fuad ‘Abd al-Bāqī. Bayrut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi.

Garis Panduan

- JAKIM. (2013). *Garis Panduan Sertu Menurut Islam*. Kuala Lumpur.
- JAKIM. (2019). *Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020*.

Jurnal

- Abd Aziz, S., Salleh, M. M. M., Ab Halim, M. A., & Said, H. N. A. M. (2021). Amalan Terbaik Pelaksanaan Sertu dalam Industri Halal di Malaysia | Best Practices of Islamic Cleansing (Sertu) Implementation in the Malaysian Halal Industry. *Journal of Fatwa Management and Research*, 23(1), 29-52.
- Ahmad, N., & Shariff, S. M. (2016). Supply Chain Management: Sertu Cleansing for Halal Logistics Integrity. *Procedia Economics and Finance*, 37, 418-425.
- Halim, M. A. A., Abd Aziz, S., Salleh, M. M. M., & Said, H. N. A. M. (2020). Kerangka Perundangan Sertu Dalam Industri Halal Di Malaysia | The Legal Framework Of Sertu For Halal Industry In Malaysia. *Insla E-Proceedings*, 3(1), 554-565.
- Hashim, P., Kassim, N., Hashim, D. M., & Jol, H. (2013). Study on the Requirement of Clay for Islamic Cleansing in Halal Food Industry. *Turkish Online Journal of Science & Technology*, 3(3), 197-204.
- Kassim, N., Hashim, P., Hashim, D. M., & Jol, H. (2014). New Approach of Samak Clay Usage for Halal Industry Requirement. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 121, 186-192.
- Salleh, M. M. M., Halim, M. A. A., & Abd Aziz, S. (2020). Implementation Of Islamic Cleansing (Sertu) In The Halal Industry. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 18(1), 1-9.
- Yusof, U. A., & Subri, I. M. (2022). Method Of Islamic Cleansing (Sertu) In Halal Industry Of Malaysia: A Systematic Literature Review (SLR). *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 28(2), 129-140.

Laman Sesawang

- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). “Sertu”. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sertu>

Temu bual

Jabatan S. 10 April 2019.

Jabatan T. 12 Jun 2019.

Jabatan U. 19 Jun 2019.

Syarikat G. 17 Oktober 2019.

Syarikat H. 19 Februari 2019.

Tesis

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. (2017). *Penggunaan Sumber Haiwan dalam Penghasilan Produk Halal di Malaysia*. Tesis Phd. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.